



**Terma dan syarat penyertaan bagi Pertandingan mencipta logo Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Sempena Kempen #Lindungidataperibadi:**

- a. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia;
- b. Penyertaan adalah percuma;
- c. Penyertaan adalah secara individu;
- d. Logo mestilah karya asal pemohon dimana ianya tidak boleh menyerupai mana-mana identiti atau logo yang sedia ada;
- e. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh peserta;
- f. **Logo perlu mengandungi elemen atau simbol yang menggambarkan peranan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi sebagai badan kawal selia yang menguatkuasa Akta Perlindungan Data Peribadi [Akta 709];**
- g. Logo yang dihasilkan mesti bebas daripada pelanggaran hak cipta atau undang-undang harta intelek lain;
- h. Tidak dibenarkan menyentuh sensitiviti kaum, agama, institusi raja serta politik dalam mereka cipta logo tersebut;
- i. Penerangan setiap warna dan elemen yang digunakan dalam rekaan logo mestilah dinyatakan bersama;
- j. Peserta bertanggungjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa juar tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan hasil ciptaan tersebut;
- k. Pihak penganjur berhak untuk menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan pada skrin mana-mana hasil karya yang menang atau tidak di laman web, pameran, mana-mana media yang lain atau media sosial untuk tujuan penganjur; dan
- l. Keputusan juri adalah **MUKTAMAD**. Rayuan atau pertikaian keputusan tidak akan dilayan.

## **CARA MEMOHON:**

Peserta yang berminat untuk penyertaan tersebut perlu mengisi borang yang disediakan di dalam poster hebahan dengan perlu scan QR Code. Borang permohonan boleh didapatkan dipautan dibawah:

[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfoK0iYXY0bbEIJZXe20Iz4OYc9O6nl3iQ0lINMsCBB0S\\_-8Q/viewform?usp=dialog](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfoK0iYXY0bbEIJZXe20Iz4OYc9O6nl3iQ0lINMsCBB0S_-8Q/viewform?usp=dialog)

**Tarikh Tutup Permohonan ialah pada 7 Mac 2025.**

## **KEPUTUSAN**

Keputusan pertandingan hanya akan dimaklumkan kepada peserta yang berjaya sahaja.

## **PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Puan Duang Myra a/p Cheng Sim	Tel : 019-8810644
Encik Azrul Nizam bin Mhd Razak	Tel : 017-2020814
Encik Syazzren bin Sazali	Tel : 012-3496921